

## **KERAJAAN NEGERI KELANTAN**

### **PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN BILANGAN 1 TAHUN 1977**

#### **TINDAKAN MEMUNGUT BAYARAN HARGA TANAH (PREMIUM) BAGI PERMOHONAN-PERMOHONAN MILIK TANAH YANG TELAH DILULUSKAN TETAPI PREMIUMNYA BELUM DIBAYAR JELAS**

Kajian awal telah dibuat mengenai permohonan-permohonan milik tanah yang telah diluluskan dari semenjak tahun yang lalu mengenai beberapa jajahan dan didapati permohonan-permohonan yang telah diluluskan tetapi premiumnya belum dijelaskan, mengikut kiraan kasar adalah lebih kurang seperti berikut:-

Jajahan (1)	Anggaran Bil.Fail yang berkenaan (2)	Anggaran Jumlah Premium (3)
i) Ulu Kelantan	3,000	\$1,200,000.00
ii) Tanah Merah	2,922	1,211,342.65
iii) Pasir Puteh	305	61,467.00
iv) Pasir Mas	174	55,425.00
v) Machang	60	15,203.50
	<b>6,451</b>	<b>\$2,543,438.15</b>

2. Kerajaan sangat memandang berat dan memikirkan bahawa kedudukan yang tidak diingini tidak harus dibiarkan berpanjangan kerana ini bukan sahaja boleh menunjukkan kelemahan dan Pentadbiran Tanah, bahkan merugikan Kerajaan dari sudut kutipan hasil kerana ini adalah salah satu dari punca hasil yang terbesar bagi negeri ini.

3. M.M.K yang bersidang pada 20.1.1997 selepas menimbang Kertas Bil.2/45/77(10) telah membuat keputusan mengarahkan Ketua-ketua Jajahan yang berkenaan supaya mengambil tindakan tegas bagaimana berikut :-

- (a) Ketua-ketua Jajahan selaku P.H.T hendaklah mengambil tindakan dengan segera supaya mengeluarkan notis-notis ulangi dan jika kakitangan yang ada sekarang ini tidak mencukupi maka tukang sukat dari LKTN boleh digunakan untuk menolong menyediakan notis-notis itu.
- (b) Ketua-ketua Jajahan selaku PHT hendaklah memberitahu orang ramai dengan seluas-luasnya sama ada melalui Pejabat pejabat Tanah yang lain, alat sebaran Am, melalui Penggawa, Penghulu dan Imam dengan menyediakan senarai nama-nama dan alamat orang-orang yang berkenaan bersekali dengan jumlah bayaran yang kena dijelaskan.
- (c) Mana-mana permohonan yang telah dibatalkan atas sebab-sebab kerana luput tempoh kelulusannya hendaklah diproses dan diangkat bagi timbangan dan kelulusan MKK semula dengan menghantar senarai yang menunjukkan nama-nama pemohon, alamat, pekerjaan, luas tanah dan bayaran-bayaran yang berkenaan dengannya.

4. Sejajar dengan tindakan yang di atas Ketua-ketua Jajahan yang berkenaan adalah diminta menyediakan penyata bagaimana dalam Lampiran ‘A’ dan hantar ke pejabat ini pada tiap-tiap bulan tak lewat dari 10 haribulan. Salinan penyata hendaklah juga dihantar kepada Yang Berhormat Dato’ Setiausaha Kerajaan dan juga Yang Berhormat Dato’ Pegawai Kewangan Negeri.

Saya yang menurut perintah,

**t.t**  
**(Mohd. Tajol Aros bin Ahmad)**  
Pengarah Tanah Dan Galian,  
Kelantan

**KEPADA:**

Semua Ketua-ketua Jajahan dan Penolong Ketua Jajahan 1  
dalam Negeri Kelantan

**SALINAN KEPADA:**

Y.B Dato'Setiausaha Kerajaan, Kelantan.

Y.B Dato' Pegawai Kewangan Negeri, Kelantan.

Pengarah Ukur Kelantan.

Juru Odit Negeri Kelantan.

Pengarah LKTN Kelantan.

Ketua Rancangan Penyelesaian Tanah

**PEJABAT PESURUHJAYA TANAH DAN GALIAN,  
KELANTAN.**

**KOTA BHARU:** 16HB.FEBRUARI,1977.

**FAIL:**PTG(KN) 14264(14)